



## YAYASAN MELAKA

### KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa kepada Kontraktor/Pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** yang masih berkuat kuasa dan membuat tawaran dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut :-

KETERANGAN KERJA	SYARAT PENDAFTARAN / KOD BIDANG	EDARAN DOKUMEN SEBUT HARGA	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
<b>Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mentauliah Dan Menyelenggara 6 Unit Perkakasan Dan Perisian Komputer Riba Secara Sewaan 36 Bulan</b>  <b>Sebutharga Bil. 09/2021</b>	<b>Kementerian Kewangan</b>  <b><u>210109</u></b> Peralatan dan Kelengkapan Komputer Riba, Perkakasan dan komponen ( <i>Hardware &amp; Software leasing/Renting</i> )	<b>1 April 2021</b> - <b>13 April 2021</b>	<b>14 April 2021</b>  <b>12.00 tengahari</b>

1. Sebutharga dipelawa daripada Kontraktor/Pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut :-

SYARAT PENDAFTARAN/KOD BIDANG :

**210109 – Peralatan dan Kelengkapan Komputer Riba, Perkakasan dan komponen (Hardware & Software Leasing/Renting)**

2. Pihak syarikat perlu menghantar sesalinan **Sijil Pendaftaran** dengan **Kementerian Kewangan** dan **Sijil SSM** secara elektronik mail (emel) ke **itym@yayasanmelaka.gov.my** bagi sebutharga di atas sebagai **SYARAT UTAMA** untuk mendapatkan Dokumen Sebutharga daripada Yayasan Melaka. Dokumen sebutharga beserta maklumat lengkap sebutharga berkenaan akan dihantar secara e-mel kepada pihak syarikat dalam format PDF untuk dilengkapkan. Penyebutharga yang gagal mengemukakan perkara-perkara di atas tidak akan menerima e-mel dokumen sebutharga tersebut.
3. Tiada sebarang bayaran dikenakan untuk mendapatkan Dokumen Sebutharga.
4. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Pihak syarikat dinasihatkan untuk meneliti spesifikasi dengan sebaiknya bagi memberikan harga bekalan dan perkhidmatan yang munasabah. Pihak syarikat boleh melawat pada bila-bila masa namun diingatkan agar tidak ke tapak secara beramai-ramai dan sentiasa mengekalkan penjarakan sosial untuk membendung penularan wabak Pandemik Covid 19.
5. Sebutharga ini akan ditutup pada **14 APRIL 2021**. Dokumen Sebutharga dalam bentuk salinan cetak (*hardcopy*) yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri bertandakan **NOMBOR RUJUKAN SEBUTHARGA DAN TAJUK SEBUTHARGA** dalam Peti Sebutharga di pejabat di **Yayasan Melaka, Bangunan Yayasan Melaka, MITC, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka** tidak lewat daripada jam 12.00 TENGAHARI pada 14 APRIL 2021 (RABU).
6. Sebarang pertanyaan dan penerangan lengkap tentang sebutharga, pihak syarikat boleh berhubung dengan pegawai yang bertanggungjawab iaitu :

**Puan Aminah binti Hj Abod**  
**Pengurus Teknologi Maklumat**  
**No. Telefon : 06-2311822 ext : 106**

**Puan Junaida binti Karim**  
**Pegawai Teknologi Maklumat**  
**No. Telefon : 06-2311822 ext : 107**

**DATUK YUSOF BIN HJ. JANTAN**  
**PENGURUS BESAR**  
**YAYASAN MELAKA**